

# **AKTIVITI EKONOMI JEPUN DI TANAH MELAYU SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA: SATU PERSPEKTIF SEJARAH**

**Oleh:**

Uqbah Iqbal, Nordin Hussin &  
Ahmad Ali Seman

## **ABSTRAK**

Artikel ini akan menganalisis sejarah perkembangan pelaburan Jepun di Tanah Melayu antara tahun 1910 hingga 1940, dan juga mengumpulkan semua data pelaburan Jepun dalam tempoh ini. Sikap dan dasar-dasar kerajaan kolonial dalam menghadkan atau merangsang jenis-jenis pelaburan Jepun di Tanah Melayu juga akan dianalisis. Pada masa ini, Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran British. Pelaburan Jepun di Tanah Melayu adalah dalam industri penanaman getah, perikanan, perlombongan bauksit, bijih besi dan lain-lain galian. Semasa era kolonial, sementara industri bijih timah kekal dimonopoli British, konflik antara British dan Jepun tertumpu dalam industri getah. Nelayan tempatan di Tanah Melayu pula tidak dapat bersaing dengan nelayan Jepun dalam sektor perikanan. British

membenarkan eksloitasi Jepun dalam industri bijih besi di Negeri-negeri Melayu. Tidak Bersekutu demi membantu pembangunan negeri-negeri ini.

Kata Kunci: British, Pelaburan, Jepun, Tanah Melayu

## **PELABURAN JEPUN DI TANAH MELAYU**

### **Penanaman Getah Oleh Orang Jepun**

Ledakan harga getah antara tahun 1909-1912 telah mendorong orang Jepun untuk memperoleh Tanah di Tanah Melayu. Pada masa ini Jepun telah memasuki industri perdagangan getah dengan menghasilkan tayar basikal dan kasut getah [63]. Keluasan ladang getah di bawah pemilikan orang Jepun meningkat daripada hanya 92 ekar pada tahun 1907 kepada 83,750 ekar pada tahun 1911 [38, 63]. Kebanyakan ladang-ladang ini diperolehi pada tahun 1910 dan 1911 [63] apabila harga getah berada pada tahap tertinggi [28] kesan daripada perkembangan dalam bidang teknikal memproses susu getah, pertumbuhan dalam industri elektrikal dan perkembangan dalam penggunaan tayar untuk kenderaan. Sebelum tahun 1909, orang Jepun tidak terlibat aktif dalam pelaburan getah di Tanah Melayu kerana

mereka berasa tidak yakin terhadap kemampuan dan bersikap rendah diri hasil tanggapan Jepun sebagai sebuah negara yang kurang maju oleh negara-negara Barat [52]. Terdapat juga penglibatan orang Jepun dalam ladang kopi di Negeri Sembilan pada tahun 1910 [18]. Di Senaling, Kuala Pilah pula terdapat permohonan dari Y. Tatematsu untuk kawasan tanah seluas 55 ekar bagi tujuan penanaman getah [17].

Kepentingan Jepun pada getah membawa kepada penubuhan Japanese Planters' Association di Singapura pada tahun 1912 dan Japanese Rubber Planters Association di Selangor pada tahun 1913 [14, 15]. Pada tahun 1913, jumlah keluasan ladang-ladang getah yang ditanam oleh ahli-ahli Japanese Planters' Association di Johor adalah seluas 23,180.25 ekar berbanding yang ditanam oleh bukan ahli seluas 1,270 ekar [63]. Dengan keluasan 114,116 ekar getah yang ditanam di Johor, dapat dilihat Jepun menguasai satu perlima dari keluasan ekar getah di Johor. Johor menjadi negeri utama pelaburan getah Jepun kerana dasar pajakan tanah selama 999 tahun [58]. Pada tahun 1912, kerajaan Jepun telah menubuhkan Tabung Kemudahan Selatan yang diwujudkan bagi menggalakkan pelaburan modal. Pengusaha bank Jepun seperti Bank Taiwan dan Bank Kanan juga

turut terlibat [45].

Sementara orang Jepun di Tanah Melayu membeli tanah untuk penanaman getah, rakan-rakan mereka di Jepun telah memasuki industri perdagangan getah dengan pembuatan tayar basikal dan kasut getah [43]. Industri perdagangan getah tidak wujud di Jepun sebelum tahun 1900, ia hanya mula berkembang selepas tahun 1909 apabila Syarikat Dunlop membina kilang mereka di Kobe bagi pembuatan tayar basikal [25]. Walaupun import getah Jepun meningkat sepanjang tahun hasil industri pembuatan, tiada sebarang angka dapat menunjukkan sumbangan pengeluaran getah Jepun di Tanah Melayu terhadap penggunaan bahan mentah di Jepun [63].

Apabila penanam getah British melihat potensi ancaman yang ditimbulkan dari perkembangan penanaman getah Jepun, ditambah pula dengan kemasukan Amerika Syarikat ke dalam penanaman getah, mereka telah meminta pentadbiran British membuat sekatan terhadap pindah milik tanah getah kepada orang asing [36]. Persatuan Penanam Getah (RGA) yang mewakili kepentingan getah British di Tanah Melayu, telah menyakinkan Setiausaha Negara bagi Koloni akan kepentingan getah sebagai bahan mentah dan keperluan melindungi kawalan British ke atas industri ini [43].

British memandang berat cadangan sekatan ini kerana dasar berat sebelah ini mungkin memberikan kesan negatif terhadap Amerika Syarikat dan Jepun yang merupakan sekutunya dalam Perang Dunia Pertama. Sir Edward Brockman, Ketua Setiausaha Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah memberi amaran bahawa sebarang sekatan akan menjasaskan sekutu mereka, terutamanya Jepun yang telah menanam getah pada skala yang besar di dalam dan di luar Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dengan tumpuan di Johor [33]. Kabinet Perang British dalam perbincangan juga menyuarakan keimbangan akan kesan sekatan ini terhadap sekutu mereka. Walau bagaimanapun ahli-ahli kabinet akhirnya memberikan kelulusan mereka apabila diyakinkan bahawa sebarang bantahan yang akan datang dari Amerika Syarikat dan Jepun adalah bersifat formal [6].

Pada bulan Julai 1917, Enakmen (Sekatan) Tanah Getah telah diperkenalkan di Tanah Melayu. Di bawah peraturan ini, kawalan ekonomi British bertambah kukuh kerana rakyat British dibenarkan memperoleh lebih banyak tanah, dan rakyat asing hanya boleh menjalankan urusan transaksi tanah dengan orang lain yang mempunyai kewarganegaraan sama [43]. Pada masa ini ladang-ladang getah

yang dimiliki oleh orang Jepun telah berkembang kepada kira-kira 100,000 ekar tetapi disebabkan oleh sekatan yang dikenakan oleh Enakmen, dan kemudiannya oleh pelbagai skim kawalan getah antarabangsa, keluasan ini telah dikurangkan kepada lebih kurang separuh menjelang Perang Dunia Kedua [53]. Walaupun tidak penting dari segi bekalan untuk memenuhi permintaan pasaran Jepun, kepentingan 100,000 ekar getah yang dipegang Jepun pada tahun 1917 adalah satu permulaan yang penting bagi perluasan ekonomi mereka di Tanah Melayu.

Jepun menganggap Enakmen (Sekatan) Tanah Getah sebagai halangan besar kepada perkembangan pelaburan getah mereka [63] kerana di kalangan warga asing, warga Jepun adalah yang paling teruk terjejas oleh sekatan ini [44]. Amerika Syarikat pula mengambil tindakan tenang terhadap sekatan ini memandangkan ia tidak mempunyai kepentingan dalam industri penanaman getah di Tanah Melayu. Kebanyakan warga asing lain yang terlibat dalam penanaman getah adalah orang Eropah di mana modal pelaburan mereka tidak banyak kerana kesan Perang Dunia Pertama.

Persatuan Penanam Jepun telah menghantar telegram kepada duta Jepun di

London untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap sekatan ini. Tunjuk perasaan yang sama dilakukan oleh konsul Jepun kepada Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. Di Tokyo, kerajaan Jepun dikenakan tekanan oleh peniaga-peniaga besar seperti Fusanosuke Kuhan, Fujita, Furukawa, Okura dan Mitsui untuk mengambil tindakan terhadap sekatan yang dikenakan ke atas aktiviti penanaman getah mereka [43]. Kerajaan Jepun melihat sekatan ini sebagai bercanggah dengan peruntukan yang terkandung dalam Perjanjian Perdagangan dan Pelayaran Anglo-Jepun (1911) [13], yang membenarkan kedua-dua negara untuk memajak tanah bagi tujuan kediaman, komersial, industri, dan lain-lain tujuan yang sah sama seperti penduduk tempatan.

Di bawah dakwaan tersebut, British terpaksa mematuhi perjanjian ini [36]. Walau bagaimanapun daripada membuang sekatan, British memperluaskannya dan memasukkan kumpulan yang sebelum ini dikecualikan. Ini tidak akan menjelaskan kepentingan British, dan juga melenyapkan bantahan Jepun yang berdasarkan perjanjian tanpa memberi apa-apa kelebihan kepada mereka. Penanaman getah Jepun di Tanah Melayu sebelum dan semasa Perang Dunia Pertama adalah hasil kepentingan yang ditunjukkan oleh peniaga individu dan

usahawan lain di Singapura atau ahli perniagaan yang kaya di Jepun [63]. Sebuah akhbar Jepun, *Nanyo Nishi Shimbun* telah diterbitkan pada tahun 1919 bagi merakamkan kegiatan serta keadaan penduduk Jepun di Tanah Melayu dan Singapura [50]. Antara tahun 1906-1920, selain Johor, Jepun juga mempunyai ladang-ladang getah di Negeri-negeri Selat, Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pahang, Terengganu, Kedah dan Perlis [60].

### **Penanaman Getah Oleh Syarikat-Syarikat Jepun**

Selepas Perang Dunia Pertama, penanaman getah dilakukan oleh syarikat-syarikat besar Jepun. Contohnya, Syarikat Toyo Takushoku (Oriental Development Co. Ltd.) dengan modal sebanyak 20 juta yen telah memperoleh ladang-ladang getah di Tanah Melayu [63]. Malahan semasa era Perang Dunia Pertama lagi, terdapat syarikat-syarikat getah yang diperbadankan di Jepun telah berminal dalam membeli estet-estet getah di Tanah Melayu. Antara perbadanan itu ialah Syarikat Nanyo Gomu (South Seas Rubber Co. Ltd.) yang pada tahun 1915 memperoleh hartaanah pertamanya di Tanah Melayu melalui geran tanah yang dipindahkan dari seorang pemilik Jepun yang telah meninggal, iaitu Teikiu

Okamoto. Sejurus selepas Enakmen (Sekatan) TanahGetah dimansuhkan pada tahun 1919, syarikat itu berusaha memohon tapak tanah getah yang ideal bagi penanaman getah di kawasan pedalaman Johor [63]. Menjelang Perang Dunia Kedua, majoriti estet Jepun yang berkeluasan seratus ekar dan lebih telah dimiliki oleh syarikat-syarikat terhad, kebanyakannya telah diperbadankan di Jepun.

Salah satu dari segelintir syarikat yang tidak diperbadankan di Jepun tetapi di Negeri-negeri Selat adalah Syarikat Consolidated Sangyo Koshi (CSK) [63], yang mempunyai estet getah yang luas di Johor Bahru, Batu Pahat dan Kota Tinggi. Syarikat CSK telah meluaskan asetnya dengan membeli Estet Main Thye di Tanjung Surat yang meliputi kawasan seluas 813 1/2 ekar [63]. Perpindahan hak milik dari Tan Hin Cheng kepada syarikat tersebut dilakukan pada 3 Ogos 1935 dan bernilai \$47,000 dolar. Estet-estet Jepun kebanyakannya terletak di Kota Tinggi, yang mempunyai bilangan estet terbesar Jepun di Tanah Melayu. Antara pengendali estet ialah Syarikat Nan Ah Koshi (Nan Ah Company Ltd.), yang pada akhir tahun 1930-an telah bergabung dengan sebuah syarikat lain, Daiichi Godo Gomu (First Amalgamated Rubber Co. Ltd.) untuk membentuk Syarikat Showa Rubber.

Sebuah lagi syarikat adalah Nanyo Gomu (South Seas Rubber Co.Ltd.) di mana estet getah pertamanya telah dibeli daripada seorang individu Jepun [63].

Syarikat Nanyo Gomu Takushoku (South Seas Rubber Development Co. Ltd.) juga membeli estet pertamanya, seluas 2,013 ekar daripada dua rakan kongsi Eropah yang berkhidmat dengan firma guaman Rodyk dan Davidson, di mana perkhidmatan mereka sering digunakan oleh pihak Jepun [63]. Terdapat juga Syarikat Nettai Sangyo (Tropical Produce Co. Ltd.), Syarikat Toyo Takushoku (Oriental Development Co. Ltd.) dengan estet-estetnya tertumpu di Johor Bahru, Syarikat Johore Gomu Saibai (Johore Rubber Planting Co. Ltd.) dan Syarikat Nippon Industrial dengan estet-estetnya tertumpu di Batu Pahat [63]. Pada tahun 1937, Syarikat Showa Gomu bergabung dengan Syarikat Nan'a, Syarikat Sumatra Kogyo, Syarikat Tokyo Gomu Kogyo dan Syarikat Meiji Gomu Kogyo. Sebagai hasil, Estet Telok Sengat menjadi sebahagian dari estet-estet Johor yang dimiliki oleh Syarikat Showa Gomu [59].

Selepas Perang Dunia Pertama, estet-estet Jepun semakin meningkat di bawah hak milik syarikat kerana ketidakupayaan individu Jepun dengan modal terhad untuk mengekalkan pelaburan mereka semasa kemelesetan ekonomi. Semasa Perang

Dunia Pertama, bekalan bahan mentah diperlukan dari Timur tetapi kemudiannya eksport ini melebihi jumlah yang boleh diserap oleh industri pembuatan, khususnya di Amerika Syarikat. Oleh itu antara tahun 1920 dan 1922 industri getah terjejas teruk, melibatkan estet-estet Jepun juga [33]. Keadaan tidak menguntungkan industri getah menyebabkan tiada usaha peningkatan dari segi pelaburan Jepun, tetapi kemudian berlaku ledakan harga getah antara tahun 1925-1926 [43] seiring dengan peningkatan dalam pengeluaran kereta. Pemilik Jepun yang membuka ladang-ladang mereka melalui pinjaman modal telah mengambil kesempatan daripada kenaikan harga getah untuk menjual pada harga keuntungan yang seterusnya membolehkan mereka untuk membayar balik faedah ke atas pinjaman mereka. Antara bulan Jun dan Disember 1925, kira-kira 25,000 ekar atau 20 peratus daripada jumlah pegangan getah Jepun di Johor telah dijual [63].

Nanyo Kyokai (Persatuan Laut Selatan) melalui terbitan jurnalnya pada bulan Januari 1926 melahirkan kegusaran apabila beberapa estet-estet Jepun telah dijual untuk kepentingan British. Ia telah menggesa kerajaan Jepun untuk membantu penanam Jepun di Tanah Melayu dengan memberikan pinjaman pada kadar faedah yang rendah [63]. Nanyo Kyokai juga

menasihatkan penanam untuk meluaskan operasi mereka ke Sumatera, Borneo, New Guinea, Siam dan Indo-China [43]. Melalui Bank of Taiwan dan Yokohama Specie Bank, kerajaan Jepun menyediakan bantuan kewangan untuk perusahaan Jepun di Tanah Melayu termasuk penanaman getah [63], dan pinjaman yang mereka tawarkan pada kadar faedah yang rendah telah membantu mereka menghadapi kesukaran yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.

Terdapat juga projek dari kalangan individu berpengaruh Jepun untuk menubuhkan sebuah syarikat dengan modal sebanyak 10 juta yen bagi mencegah estet Jepun daripada dijual kepada orang asing [63]. Jabatan Kewangan di Tokyo juga menimbangkan penubuhan dana pinjaman yang akan menyediakan bantuan kewangan kepada penanam getah Jepun bagi membangunkan estet-estet mereka [39]. Walaupun terdapat semua usaha ini, semangat individu Jepun dalam penanaman getah dilihat tidak menggalakkan sepertimana tahun-tahun awal industri ini [43]. Tanaman getah Jepun di Johor terus berada di kedudukan ketigaselepas Eropah dan Cina, keluasan yang dimiliki oleh mereka pada tahun 1930-an adalah lebih kurang separuh daripada tahun 1917 apabila Enakmen (Sekatan) Tanah Getah diluluskan.

Penurunan dalam kepentingan getah Jepun dapat dilihat dari segi keluasan kawasan yang jatuh daripada kira-kira satu perlama pada tahun 1913 kepada hampir satu persepuhluh pada tahun 1934 [39]. Selain Johor, pelabur Jepun juga telah memperluaskan kegiatan pelaburan getah mereka di Selangor dan Negeri Sembilan [38].

### Industri Perikanan

Orang-orang Jepun di Tanah Melayu sudah lama terlibat dalam industri perikanan sejak awal abad ke-20 lagi. Kerajaan Jepun mengambil inisiatif untuk mempromosi aktiviti perikanan Jepun di Singapura bermula seawal tahun 1911. Ini sejajar dengan langkah sektor perikanan Jepun sejak Perang Dunia Pertama untuk menembusi pasaran asing. Kerajaan Jepun juga menghantar pakar perikanan ke kawasan tersebut untuk menyiasat dan hasilnya, salah seorang daripada mereka, Tora Yeifuku telah menu buhkan sebuah firma baru di Singapura pada tahun 1914 dengan bantuan kapitalis Jepun di Kyoto [36]. Selepas Perang Dunia Pertama, terdapat pertambahan dalam bilangan nelayan Jepun yang masuk ke Tanah Melayu. Pada tahun 1924, terdapat hanya lebih kurang 215 orang nelayan Jepun di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu tetapi satu dekad

kemudian, jumlahnya semakin bertambah kepada 1,050 orang. Pertambahan ini mungkin disebabkan oleh perkembangan dalam industri perikanan Jepun di luar negeri [62]. Sehingga tahun 1912, Jepun telah berjaya membina kapal seberat 41,229 tan. Ini menunjukkan industri perkapalan mempunyai kaitan dengan kemajuan industri perikanan yang dipelopori oleh nelayan Jepun di Tanah Melayu [24].

Aktiviti perikanan merupakan satu pekerjaan tradisi orang Jepun. Ini kerana Jepun mempunyai kawasan tanah yang terhad dan secara tidak langsung kebanyakannya daripada warganya menjadi nelayan. Pada Zaman Meiji, industri perikanan hanya dijalankan di kawasan-kawasan pantai sahaja dan kaedah yang digunakan dalam penangkapan mereka adalah amat primitif. Kemudian teknik-teknik perikanan telah bertambah maju apabila pemodenan mula diperkenalkan. Kebanyakan daripada hasil laut ini telah ditinkan dan dihantar ke pasaran luar Jepun. Pada tahun 1931, terdapat seramai 3,000 orang nelayan Jepun dan pendapatan tahunan mereka ialah 6,000,000 yen. Industri ini mempunyai banyak pangkalan di beberapa tempat, bermula dari Manila hingga ke Singapura. Nelayan Jepun yang berada di Singapura telah menjalankan aktiviti mereka di sepanjang pantai Tanah

Melayu, Sumatera dan pulau-pulau di antara Singapura, Jawa dan Borneo [62].

Industri perikanan di Tanah Melayu didominasi oleh orang Jepun. Antara syarikat perikanan Jepun ialah The Taichong Kongsi yang dimiliki oleh Tora Yeifuku dan Syarikat Perikanan Ishizu yang dimiliki oleh Tojora Ishizu. Syarikat Perikanan Ishizu membekalkan sebanyak 40 peratus daripada keperluan ikan Tanah Melayu [62]. The Taichong Kongsi yang bertempat di Singapura telah ditubuhkan pada tahun 1922. Ia menjalankan aktiviti perikanan dari Pulau Redang di Terengganu sehingga ke Batavia di Jakarta. Aktiviti menangkap ikan bagi nelayan Jepun adalah berbeza dengan orang Melayu tempatan kerana mereka akan berada di laut selama enam bulan ataupun lebih lama berbanding dengan nelayan Melayu yang biasanya menangkap ikan berhampiran pantai dan jarang sekali menangkap ikan di laut dalam. Nelayan Jepun sudah biasa tinggal di dalam kapal perikanan mereka. Mereka tidak perlu bimbang mengenai penghantaran hasil tangkapan mereka ke Singapura kerana sebuah kapal akan dihantar bagi mengumpulkan hasil tangkapan mereka [49].

Pada tahun 1930-an, kemajuan kedua-dua syarikat ini dalam menggunakan

teknik moden telah membolehkan mereka bekerja lebih jauh di laut. Sebelumnya menjelang tahun 1920-an, mereka telah berjaya membekalkan lebih daripada setengah keperluan ikan segar yang diperlukan oleh Singapura, iaitu lebih kurang 5,000 tan pada setiap tahun dan ia meningkat kepada 44 peratus pada tahun 1938 [36]. Sejumlah besar daripada hasil tangkapan ini dibekukan untuk dihantar ke Jepun melalui kapal laut Jepun yang singgah di Singapura [56]. Nelayan tempatan di Tanah Melayu tidak dapat bersaing dengan nelayan Jepun kerana nelayan Jepun menggunakan kapal berenjin dan kemudahan mengawet manakala nelayan tempatan masih menggunakan perahu [62]. Industri perkapalan di Jepun ternyata telah membantu pelaburan mereka dalam industri perikanan di Tanah Melayu.

### **Perlombongan Bauksit, Mangan dan Tungsten**

Tanah Melayu mempunyai dua lombong bauksit di Johor, satu berhampiran Batu Pahat dan satu lagi di Sungai Kim Kim sepanjang sepanjang selat Johor, yang dikendalikan oleh oleh Syarikat

Ishihara Sangyo Koshi (ISK) [41]. Sebelum Perang Dunia Kedua, syarikat-syarikat Jepun telah menjalankan kegiatan perlombongan bauksit di Tanah Melayu dan hasilnya dieksport ke Jepun. Bermula dengan hanya 36 tan bauksit pada tahun 1936, Tanah Melayu mengeksport 13,098 tan bauksit pada tahun 1937, 55,751 tan pada tahun 1938, 84,377 tan pada tahun 1939 dan 55,380 tan pada tahun 1940. Sehingga akhir Oktober 1941, apabila penghasilan berhenti, Tanah Melayu telah mengeksport sebanyak 50,825 tan pada tahun itu [55]. Mangan pula dilombong di Terengganu dan Kelantan. Terengganu mengeluarkan sebanyak 25,000 tan mangan setahun manakala Kelantan mengeluarkan sebanyak 9,000 tan mangan setahun. Tungsten pula dilombong di Perak. Pengeluaran tahunannya ialah 400 tan setahun [2].

### **Perlombongan Bijih Besi di Johor**

Tumpuan perlombongan besi di Johor adalah yang dimiliki oleh Syarikat Ishihara Sangyo Koshi (ISK) [42], yang mempunyai hubungan baik dengan pegawai kerajaan negeri kerana hasil yang disumbang. ISK ditubuhkan oleh Hirochiro Ishihara di Singapura pada bulan November 1920, sebagai cawangan kepada syarikat Nanyo Kogyo Koshi (NKK) yang ditubuhkan beliau di Jepun

pada bulan September 1920. Pada bulan Januari 1921, ISK telah mengeksport bijih besi dari Batu Pahat, Johor ke Jepun. Ini merupakan eksport bijih besi pertama dari Tanah Melayu [51].

Pada tahun 1928, eksport bijih besi Johor membekalkan 40 peratus daripada jumlah keseluruhan bahan mentah yang diperlukan Jepun untuk industri besi dan keluli [54]. Pengembangan industri perlombongan bijih besi di Johor telah diperkuatkan lagi apabila pada tahun 1931, bijih besi telah menjadi hasil kedua terbesar dan tidak seperti perlombongan mineral yang lain, perlombongan bijih besi terbukti tidak berbahaya kepada pertanian kerana penggunaan kawasan yang kecil [63]. Pertanian merupakan salah satu tunggak ekonomi Johor dan sebarang kesan buruk ke atasnya akan membantalkan segala manfaat yang diperoleh daripada perlombongan besi.

Pada bulan Ogos 1931, Tochigi Shoji Kaisha (TSK) telah mendapat kebenaran melombong bijih besi di sekitar Muar, Johor. Walaupun TSK telah cuba menjalankan operasi perlombongan bijih besi di kawasan tersebut, namun operasinya telah diberhentikan kerana TSK mengetahui bahawa kawasan tersebut tidak mengandungi banyak bijih besi [51]. Pada tahun 1932, TSK telah menjalankan

*“prospecting”*bijih besi di sekitar Gunung Jerai, Kedah [9]. Bagaimanapun syarikat tersebut tidak meneruskan operasi perlombongan bijih besi kerana tidak terdapat bijih besi yang mencukupi untuk membuka lombong [51]. Selain dari bijih besi, TSK telah menunjukkan minat terhadap bijih ilmenit di Tanah Melayu. Pada tahun 1935 Okabayashi dan Oyashi, wakil TSK telah membeli bijih ilmenit dari Ulu Klang Ltd, sebuah syarikat perlombongan bijih timah di Selangor. Bijih ilmenit yang dibeli oleh TSK diangkut dengan keretapi dari Selangor ke Hodai Company di Singapura. Sebanyak 2,544 pukal ilmenit telah dikirim ke Hodai Company oleh TSK pada tahun 1935 [51].

Apabila ISK yang telah sekian lama melombong di Pantai Barat Johor memohon bagi prospek deposit besi yang diketahui wujud di Endau di Pantai Timur Johor, berbagai galakantelah diberikan kepadanya. Walaupun kawasan yang dipohon adalah dalam kawasan Tanah Simpanan Melayu yang diwartakan, pegawai kerajaan negeri telah bersetuju untuk membuka tanah bagi tujuan perlombongan sementara mineral di dalamnya masih boleh dijual [63]. Menjelang pertengahan tahun 1930-an, lombong besi ISK di Johor hampir kehabisan bekalan dan beberapa kawasan lain sedang dinilai. Walaupun terdapat

kawasan yang menjanjikan harapan baru, namun kewujudan bijih timah dalam deposit besi menyebabkan perkara menjadi rumit [22].

Skim Kawalan Timah Antarabangsa yang bertujuan menyekat pengeluaran timah di peringkat antarabangsa, bermula dari 1 Januari 1937 hingga 31 Disember 1941 tidak membenarkan perlombongan ke atas mana-mana deposit besi yg mengandungi timah. Ini menyebabkan ISK tidak diberikan hak pajakan. Namun permitnya sedia diperbaharui oleh pihak berkuasa untuk memastikan pegangan itu masih ada, jika perlu sehingga akhir tahun 1941 apabila skim sekatan timah tamat. Kerajaan Johor memandang berat penutupan lombong ISK yang telah membawa pulangan yang besar kepada negeri. Hampir semua bijih yang dihasilkan di Johor datangnya dari lombong ISK di Sri Medan [63]. Ini menyebabkan kerajaan Johor membuat persediaan awal untuk membenarkan pengeluaran sepenuhnya bermula tahun 1942 apabila Perjanjian Kawalan Timah tamat tempoh. Pegawai British juga telah banyak membantu dalam perkara ini. ISK telah dijanjikan pajakan perlombongan sebaik sahaja Perjanjian Kawalan Timah tamat tempoh [23].

Peningkatan harga bauksit pada tahun

1936 dan penemuan logam ini di Johor [30] telah membantu lombong Sri Medan ISK mengekalkan kewujudannya dengan efisien. Kebimbangan kerajaan Johor ke atas pulangan yang semakin berkurangan dari sumber besi di negeri ini telah diredakan melalui pembukaan lombong Jepun yang lain, Iizuka Mine oleh Shigeru Iizuka di Bukit Langkap, Endau [51] pada tahun 1935 [63]. Setahun kemudian lombong itu mengeksport muatan pertama bijihnya [51]. Walaupun monsoon utara-timur menjelaskan operasi perlombongannya, 14,570 tan telah dieksport pada tahun 1936 dan 53,852 tan pada tahun berikutnya [63]. Output lombong baru ini tidak dapat menandingi lombong ISK namun ia membantu untuk meringankan keadaan.

Sebuah lagi syarikat Jepun yang menunjukkan minat dalam perlombongan bijih besi ialah Nanyo Gomo Takushoku Kaisha (NGTK atau South Seas Rubber Development Company) yang memiliki modal sebanyak 2 juta yen di Jepun [51]. K. Okumura sebagai pengarah N GTK telah meminta “prospecting license” daripada pihak kerajaan Johor untuk mencari bijih besi di Endau, Kota Tinggi pada tahun 1934. Pihak kerajaan telah meluluskan permohonan tersebut. Bagaimanapun syarikat tersebut hanya menjalankan “prospecting” bijih besi

sahaja dan tidak meneruskan operasinya.

Pada tahun 1928, T. Murai dari Japanese Commercial Museum yang terletak di Singapura telah memohon “*prospecting license*” daripada kerajaan Johor untuk mencari bijih besi di Tanjung Setajam, Kota Tinggi. Kerajaan Johor tidak meluluskan permohonan tersebut kerana kajian ke atas kawasan tersebut belum dijalankan oleh kerajaan Johor dan pihak kerajaan pada masa itu sedang membuat rancangan untuk membina sebuah pusat kesihatan di kawasan tersebut [51]. Industri perlombonganbesi di Johor kemudiannya tidak lagi gemilang seperti dulu dan mula beralih ke Terengganu pada tahun 1934 [54].

### **Perlombongan Bijih Besi di Terengganu**

Di Terengganu, ISK mula mengeluarkan bijih besi dari Lombong Machang Setahun pada tahun 1925, dan NMC telah mengeluarkan bijih besi dari Lombong Bukit Besi pada tahun 1930 [51]. Pengeluaran dari Lombong Bukit Besi sering melebihi keluaran Lombong Machang Setahun. Lombong Bukit Besi juga mempunyai jalan kereta apinya sendiri [19]. Pada tahun 1934 Lombong Bukit Besi telah mengeluarkan bijih besi sebanyak 492,484 tan manakala Lombong Machang Setahun hanya mengeluarkan

sebanyak 152,836 tan [51]. Jumlah eksport bijih besi tidak setinggi pengeluaran bijih besi disebabkan aktiviti eksport selalu terhalang akibat kekurangan jumlah kapal api di kedua-dua lombong tersebut. Pada tahun 1935 jumlah eksport bijih besi dari Terengganu telah melebihi jumlah eksport bijih besi dari Johor.

Pada tahun 1936, output lombong besi di Terengganu hampir dua kali ganda daripada di Johor [42]. Namun kualiti deposit besi yang dilombong oleh ISK adalah jauh lebih rendah daripada kualiti besi yang dilombong di Johor. Masalah ini diburukkan lagi dengan masalah pengangkutan ke lombong Machang Setahun. Oleh kerana itu ISK menumpukan modal dan buruh ke atas deposit yang lebih baik di Johor. Lombong Machang Setahun juga terlibat dalam pengeluaran bijih mangan, ia mula dieksport pada tahun 1928 [30]. Secara umumnya pengeluaran bijih besi dan bijih mangan dijalankan di lombong-lombong yang berasingan [51].

Selain perlombongan bijih besi di Johor, Shigeru Iizuka juga telah mengusahakan lombong bijih wolfram di Tanjung Laut, Johor pada tahun 1937 [51]. Bagi Lombong Besi Kuhara pula, hanya pada tahun 1938 kawasan konsesi ini mula dibangunkan, dan pada tahun berikutnya menyumbang kepada penggandaan eksport

bijih besi Terengganu. Apabila asset ini diambil alih oleh Syarikat Perlombongan Nippon (NMC) pada tahun 1930 [51], jumlah output negeri meningkat dari 87,364 tan pada tahun 1930 kepada 203,109 tan pada tahun 1931 [42]. Bijih besi mula menjadi sumber pendapatan penting Terengganu. Kemuncaknya pada tahun 1934 apabila bijih besi menjadi sumber pendapatan utama, dengan hasil sebanyak \$2,102,104 dolar. Malahan Sultan Terengganu sendiri pernah ke Kemaman bagi melawat lombong bijih besi Jepun [20].

### **Perlombongan Bijih Besi di Kelantan**

Perlombongan bijih besi di Kelantan berkembang dengan perlahan. Hanya pada tahun 1935 barulah bijih besi ditemui di daerah Temangan di Kelantan [63]. Sebelumnya, NMC telah menjalankan perlombongan bijih mangan di Lombong Bukit Tandok. Hasil eksportnya dihantar ke Jepun bermula pada tahun 1932 [51]. Kemasukan perusahaan Jepun disambut baik oleh British, dengan Penasihat British yang menjangkakan pulangan tinggi telah mengarahkan kerjasama harus diberikan kepada mereka [42].

Hanya pada tahun 1937 Syarikat Southern Mining (SMC) memulakan operasi perlombongan bijih besi di

Lombong Temangan [4]. Kerajaan Kelantan sentiasa menyokong perusahaan SMC kerana mengharapkan operasi SMC akan mendatangkan keuntungan kepada ekonomi Kelantan. Sejarah perlombongan Kelantan yang kurang memberangsangkan menyebabkan negeri ini meletakkan sepenuh harapan kepada lombong besi Jepun. Walaupun begitu, masalah pengangkutan yang dihadapi oleh NMC dan SMC di Temangan telah menjelaskan kegiatan eksportnya. Ini kerana timbunan bijih besi di Temangan terletak jauh di kawasan pedalaman [51].

### **Sumbangan Perlombongan Bijih Besi Jepun**

Lombong besi Jepun menyumbang kepada pembangunan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dengan mewujudkan sumber pendapatan baru [54]. Hanya pelabur Jepun terlibat aktif dalam mengeksplorasi deposit ini kerana orang Eropah dan Cina sibuk dengan perlombongan bijih timah dan tidak menggemari perlombonganbesi [43]. Tidak seperti orang Eropah yang menggemari perlombongan cara kapal korek, orang Jepun tidak menjauhkan diri dari perlombongan cara tenaga manusia yang lebih menjerihkan [4]. Oleh sebab ini, industri perlombongan besi dibiarkan terbuka kepada Jepun untuk dieksplorasi [3]. Jepun mempunyai kepentingan

terhadap bijih besi. Seiring dengan peningkatan pengeluarannya, import juga sentiasa meningkat [21, 49]. Disebabkan dorongan untuk memenuhi keperluan negara mereka, dan dengan momentum yang berhasil akibat sikap terbuka pihak berkuasa British, kedudukan Tanah Melayu yang berdekatan Jepun dan kualiti bijih yang baik, telah menarik usaha penglibatan Jepun ke Tanah Melayu [54].

Sumbangan hasil tidak langsung daripada industri perlombongan besi Jepun kepada pembangunan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu juga penting. Duti yang dikenakan ke atas pelbagai barang yang digunakan oleh lombong (contohnya kapal, pemotik api, kapal tunda, petrol, dan lain-lain) dan tenaga buruh mereka [51] (seperti tembakau, minuman beralkohol) adalah sumber pendapatan tidak langsung. Kepentingan pendapatan tidak langsung ini dirumuskan oleh W.E. Pepys, Penasihat British di Johor [43]. Penasihat British di Terengganu juga menyatakan kepada pihak High Commissioner akan sumbangan operasi NMC kepada ekonomi Terengganu [51].

Selain menyumbang kepada pembangunan tanah dan ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, perlombongan besi Jepun juga membantu

dalam memajukan industri keluli dan besi di Jepun [63]. Semua bijih yang dilombong dan dihasilkan oleh Jepun di Tanah Melayu telah dieksport secara eksklusif ke Jepun [35]. Oleh kerana semua syarikat besi Jepun yang beroperasi di Tanah Melayu merupakan cawangan atau gabungan dengan perusahaan yang mempunyai ibu pejabat di Jepun [30], dibiayai oleh modal dari Jepun dan diuruskan oleh kakitangan Jepun, ia adalah normal bijih besi yang dihasilkan di Tanah Melayu adalah untuk kegunaan industri besi dan keluli Jepun. Ini membawa kepada monopoli Jepun kerana sumber besi Tanah Melayu memegang kepentingan utama di pasaran Jepun.

Dalam tahun 1920-an dan 1930-an, Tanah Melayu bersama-sama China telah membekalkan 90 peratus daripada bijih yang diperlukan untuk kegunaan relau bagas di Jepun [25]. Sebelum tahun 1921, hampir semua bijih besi yang diimport datang dari China. Bijih besi dari Tanah Melayu diimport oleh Jepun selepas tahun 1921. Sejak dari tahun itu bijih besi yang diimport dari Tanah Melayu memperlihatkan peningkatan yang berterusan sehingga menjelang Perang Dunia Kedua. Dari segi kos pengangkutan, didapati pengangkutan dengan kapal api di Tanah Melayu adalah lebih murah daripada pengangkutan dengan keretapi di

China. Dengan yang demikian kos pengangkutan bijih besi dari Tanah Melayu adalah lebih murah [51].

Perkembangan dalam industri fret perkapalan juga menyumbang kepada peningkatan eksport bijih besi. Syarikat perlombongan Jepun yang beroperasi di Tanah Melayu memperoleh keadaan menguntungkan untuk penghantaran bijih ke Jepun dengan mengambil kesempatan ke atas kapal-kapal yang pulang ke negara asal mereka [54]. Kapal-kapal ini lebih suka mengambil kargo bijih pada kadar yang rendah daripada membiarkannya kembali kosong [63]. Selepas Tanah Melayu mengatasi China dalam senarai pembekal utama bijih besi ke Jepun, Yawata Iron Works (YIW), sebuah syarikat milik kerajaan Jepun yang membeli kebanyakan bijih besi dari Tanah Melayu telah menukar teknologi pengeluaran besi waja, supaya bersesuaian dengan bijih besi Tanah Melayu yang bermutu tinggi. Selama ini teknologi pengeluaran yang ada cenderung kepada bijih besi China yang rendah mutunya [51].

## KESIMPULAN

Jepun mula tertarik dengan pelaburan di Tanah Melayu berikutan ledakan harga getah dunia pada tahun 1909-1911.

Persaingan tidak seimbang daripada British semasa Perang Dunia Pertama menyebabkan kerajaan Jepun dikenakan tekanan oleh pelbagai kumpulan yang mempunyai kepentingan untuk mengambil tindakan terhadap sekatan yang dikenakan ke atas aktiviti penanaman getah mereka. Perkembangan turun naik industri getah selepas Perang Dunia Pertama dan juga kesukaran mendapatkan sumber bauksit tidak menggalakkan sebarang perkembangan pelaburan dalam dua industri ini daripada Jepun. Walaupun pelaburan Jepun tidak memberikan kesan besar terhadap industri penanaman getah dan bauksit di Tanah Melayu, namun sebaliknya berlainan pula dengan pelaburan perikanan dan bijih besi Jepun. Nelayan Jepun mempelopori industri perikanan di Tanah Melayu hasil kemajuan industri perkapalan Jepun. Pelaburan bijih besi Jepun membantu dalam memajukan industri keluli dan besi di Jepun. Lombong besi Jepun menyumbang kepada pembangunan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dengan mewujudkan sumber pendapatan baru dan juga membantu British dalam membangunkan ekonomi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Ini menyebabkan tiada halangan dari British ke atas aktiviti perlombongan Jepun.

## RUJUKAN

### SUMBER PRIMER

- [1] Chief Inspector of Mines & F. M. S. (1937). *Annual Report on the Administration of the Mines Department and the Mining Industries*, F. M. S., t.pt.
- [2] Fail BMA No. 506/10. (1943-1947). *Intelligence: Reports on Malaya Prior to Japanese Occupation*.
- [3] Fail British Adviser's Office Kelantan No. 342/1938. (1938). *Proposed visit of Sir Lewis Fermor, to report on mining problems in Malaya*, 6 Jun 1938.
- [4] Fail British Adviser's Office Kelantan No. KELANTAN.58/1941.(1941). *Asks that certain information may be supplied for the American Consul-General in regard to two Japanese operated iron mines- 1. Temangan Iron Mine & 2. Bukit Besi Iron Mine*, 24 Januari 1941.
- [5] Fail British Colonial Office No. CO273/459.(t.th). *Telegram, High Commissioner, Malay States to Sec. State for Colonies*, 11.4.17, t.th.

- November 1931 - 26 November 1933.
- [6] Fail British Colonial Office No. CO273/464.(1917). *Minutes of Meeting of War Cabinet, 31.5.17,* 6 Jun 1917.
- [7] Fail British Colonial Office No. CO273/463.(1917). *Nanyo-nichi Shimbun 23.8.17, under cover of minute from General Officer Commanding the Troops S. S. To Secretary War Office, London,* 19.9.17, 15 November 1917.
- [8] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah No. 477/1344. (1925). *Number of Visas granted at Nagasaki Consulate to Japanese emigrants to Straits Settlements and Malay States,* 4 September 1925.
- [9] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah No. 2389/1350. (1933). *Application by a Japanese firm [T.S.K] for an exclusion Prospecting License for tin-ore on the Southern Shops of Gunong Jerai. Forward with respondation. - Hantarkan Dan Recommend Permintaan Daripada Gudang Jepun [T.S.K.] Fasal Pinta Eksekutif Prospecting Lesen Hendak Mencari Bijihnya Di Atas Gunung Jerai. [Versi Melayu-Jawi],* 9
- [10] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor No. 3432/1907. (1907). *Application from a Japanese Company called the 'Nippon Goom Saibai Kaisha' for 640 acres of agricultural land in Rawang Mukim,* 20 Jun 1907.
- [11] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor No. 3316/1908. (1908). *Information required by Japanese Consul re alienation of land for Rubber cultivation,* 26 Jun 1908.
- [12] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor No. 663/1910. (1910). *Sanction to alienate about 300 acres of land in Kapar Mukim to about 100 Malay and Japanese applicants,* 4 Februari 1910.
- [13] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor No. 4132/1911. (1911). *Secretary of States Circular Depatch forwarding copy of agreement between the United Kingdom and Japan,* 30 Ogos 1911.
- [14] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor No. SECRETARIAT

- SELANGOR 5469/1913.(1913). *Permission to open a 'Japanese Rubber Planters Association'*, 29 Oktober 1913.
- [15] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor No. SECRETARIAT SELANGOR 5469/1913.(1913). *Rules of the Japanese Rubber Planters Association*, 30 Disember 1913.
- [16] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor No. SEL. SECT. 3752A/1921.(1921). *Prospecting License for coal over 60,000 acres of land in Johore - Application by a Japanese on behalf of a Japanese Co. for:-*, tiada tarikh.
- [17] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan No. K.P. 1188-1910. (1910). *Application by Y. Tatematsu, a Japanese man, for 55 acres of state land at Senaling for para rubber cultivation*, 22 April 1910.
- [18] Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan No. FEDERAL 1769-1910. (1910). *Failure of the Japanese Coffee Estate to pay an instalment of \$2000, including interest, which was due on the 1st June, '10*. Reports :-, 13 Jun 1910.
- [19] Fail Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard. (t.th). *THE JAPANESE RAILWAY TO MINE AT BUKIT BESI, NEAR DUNGUN, T.T.*
- [20] Fail Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard. (t.th). *VISIT OF SULTAN OF TERENGGANU TO KEMAMAN, AT THE JAPANESE (T.S.K.) MINE, T.T.*
- [21] F.M.S. (1937). *Annual Report on the Administration of the Mines Department and the Mining Industries*. F.M.S., t.pt.
- [22] Johor Mines Department.(1936). *Annual Report 1936*.
- [23] Johor Mines Department.(1937). *Annual Report 1937*.
- SUMBER SEKUNDER**
- [24] Ahmad Ali Seman. (1991). *Perkembangan Perindustrian Perkapalan Moden Jepun Zaman Meiji: 1890-1912*, *JEBAT*19, 15-29.
- [25] Allen, G.C. (1962). *A Short*

- Economic History of Modern Japan, 1867-1937*, Ed. ke-2, London, Praeger.
- [26] Allen, G.C. (1981). *A Short Economic History of Modern Japan*, Ed. ke-4, London, The Macmillan Press Ltd.
- [27] Chee Peng Lim & Lee Poh Ping. (1979). *The Role of Japanese Direct Investment in Malaysia*. Occasional Paper No. 60, Singapore, Institute of Southeast Asian Studies.
- [28] Drabble, J.H. (1973). *Rubber in Malaya 1876-1922: The Genesis of the Industry*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- [29] Drake, P.J.(2004). *Currency, Credit and Commerce: Early Growth in Southeast Asia*, Hampshire, Ashgate Publishing Limited.
- [30] Fermor, Lewis L. (1939). *Report upon the Mining Industry of Malaya*, Kuala Lumpur, Government Press.
- [31] German, R.L.(1937). *Handbook to British Malaya*, London, Malay States Information Agency.
- [32] Hajime Shimizu (pnyt.). (1992). *Eikoku Kobunshokan no Nihon Tonan Asia Kankei Shiryo (Materials relative to Japan and Southeast Asia held at Britain's Public Record Office)*, Tokyo, Institute of Developing Economies.
- [33] Hajime Shimizu. (1993). The Pattern of Economic Penetration of Prewar Singapore and Malaysia dlm. Saya Shiraishi & Takashi Shiraishi (pnyt.), *The Japanese in colonial Southeast Asia*, hlm.63-86, Ithaca, NY, SEAP Publications.
- [34] Iwao Hino & S. Durai Raja Singam, (1944).*Stray Notes on Nippon-Malaisian Historical Connections*, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Meseum.
- [35] Jomo, K.S. (pnyt.). (1994).*Japan and Malaysian Development: In The Shadow of the Rising Sun*, London, Routledge.
- [36] Junko Tomaru. (2000). *The Postwar Rapprochement of Malaya and Japan, 1945-61: The Roles of Britain and Japan in South-East Asia*, London, Macmillan Press Ltd.
- [37] Kamarudin bin Othman, Rosman bin

- Mahmood & Mohamad Shukri bin Johari. (2006). *Hubungan Eksport Terhadap Peningkatan Produktiviti Sektor Pembuatan di Malaysia: Satu Kajian Granger Causality*, Projek Penyelidikan, Februari 2006, Dungun, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.
- [38] Kassim bin Thukiman. (1992). Penglibatan Orang-orang Jepun dalam Sektor Ekonomi di Negeri Johor pada awal abad ke-20, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies***20**, 57-73.
- [39] Kee Yeh Siew. (1965). The Japanese in Malaya before 1942, *Journal of the South Seas Society***20**, 48-88.
- [40] Kesavan, K.V.(1972). *Japan's Relations with Southeast Asia, 1952-1960 with particular reference to the Philippines and Indonesia*, Bombay, Somaiya Publications.
- [41] Kratoska, Paul H. (1998). *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, London, C. Hurst & Co. Publishers.
- [42] Mehmet Sami Denker & Sharifah Mastura Alsagoff.(1988-1989). Kepentingan Ekonomi Jepun di Malaysia dan Hubungan Jepun-Malaya Dari Perspektif Sejarah, *Ilmu Masyarakat***14**, 28-46.
- [43] Mehmet Sami Denker. (1990). *Internationalization of the Malaysian Economy: Role of Japan*, Tesis Ph.D., Universiti Malaya.
- [44] Mehmet Sami Denker. (1998). Ties That Bind: Japan-Malaysian Economic Relations in Historical Perspective, *Journal of University Faculty of Economics and Administrative Sciences***8** (1), 1-16.
- [45] Mohamad Isa Othman. (1992). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [46] Mohd bin Samsuddin. (1995). Perhubungan Awal Malaysia-Jepun 1957-1967, *Malaysia Dari Segi Sejarah***23**, 66-89.
- [47] Norberts, G. J.(1988). British Management of the Japanese Problem in Malaya During the Tenure of Governor Shenton Thomas, 1934-1942, *Journal of the*

- South Seas Society*52, 98-136.
- [48] Robertson, E. (1979). *The Japanese File: Pre-War Japanese Penetration in the Southeast Asia*, Kuala Lumpur, Heinemann Asia.
- [49] Roszaima binti Rosdi. (2011). *Sejarah Perkembangan Kegiatan Pelaburan Jepun di Malaysia: Satu Penilaian*, Tesis Sarjana Muda Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [50] Shamsul Amri Baharuddin & Zahra S. Abdullah.(1990). Keperluan Malaysia, Kepentingan Jepun Menjalankan Hubungan Untuk Mencapai Sebuah Visi, *Dewan Masyarakat* Ogos, 17-19.
- [51] Shiho Kato. (1992). *Syarikat Perlombongan Jepun di Malaya Sebelum Perang Dunia Kedua*, Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- [52] Shiode Hirokazu. (1989). *Japanese Investment in Southeast Asia: Three Malaysian Case Studies*, Hong Kong, Centre for the Progress of Peoples.
- [53] Tempany, H.A. (1934). *Report on Agriculture Development in Johore*, Johor Bahru, Government Printing Office.
- [54] Thompson, V. (1941). Malayan Iron Ore for Japan, *Far Eastern Survey*10 (11), 130- 131.
- [55] Thompson, V. (1941). Japan Frozen Out of British Malaya, *Far Eastern Survey*10 (20), 238-239.
- [56] Tregonning, K.G. (1981). *A History of Modern Malaya*, Singapore, Eastern University Press.
- [57] Yoji Akashi. (2008). The Nanyo Kyokai and British Malaya and Singapore, 1915-45, Dlm. Yoji Akashi & Mako Yoshimura(pnyt.), *New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*, hlm. 21-32, Singapore, NUS Press.
- [58] Yoshimura Mako. (2002). Japanese Occupation and Economic Policy in Malaya, *Sejarah -Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*10, 21-51.
- [59] Yoshimura Mako. (2008). Japan's Economic Policy for Occupied Malaya, Dlm. Yoji Akashi & Yoshimura Mako (pnyt.), *New*

*Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*, hlm. 113-138, Singapore, NUS Press.

- [60] Yuen Choy Leng. (1973). *Expansion of Japanese Interest in Malaya 1940-41*, Tesis Sarjana Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- [61] Yuen Choy Leng. (1974). Japanese Rubber and Iron Investments in Malaya, 1900-1941, *Journal of Southeast Asian Studies*5 (1), 18-36.
- [62] Yuen Choy Leng. (1978). The Japanese Community in Malaya Before the Pacific War: Its Genesis and Growth, *Journal of Southeast Asian Studies*9 (2), 163-179.
- [63] Yuen Choy Leng. (2001). Japanese Rubber and Iron Investments in Malaya, 1900-1941, Dlm. Wolf Mendl (pnyt.), *Japan and South East Asia: From the Meiji Restoration to 1945*, hlm. 126-148, London, Routledge.